

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (DASAR & PENTADBIRAN)

TARIKH: 19 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 12

Tahap kebersihan tandas awam perlu terus dipertingkatkan

Muar: Kesedaran umum mengenai tanggungjawab menjaga kebersihan tandas awam di negara ini masih rendah dan kurang memuaskan.

Malah, perangkaan tahun ini menunjukkan hanya 22.35 peratus tandas awam di negara ini mencapai penarafan empat bintang ke atas.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata walaupun ia mencatat peningkatan 2.3 peratus berbanding tahun lalu, masih banyak perlu dilakukan bagi meningkatkan mutu kebersihan tandas awam.

"Walaupun kita ada manual, pengurusan dan pelan tindakan, tanggungjawab tidak boleh diserahkan kepada kerajaan atau pihak berkuasa tempatan (PBT) semata-mata.

"Sebaliknya, ia perlu dilakukan bersama termasuk pembabitian masyarakat secara keseluruhannya.

"Pemikiran seperti kita hanya pengguna dan tidak perlu membersihkannya kerana ada pencuci tandas atau kita sudah membayar cukai adalah antara pemikiran negatif yang perlu dikikis.

"Perbetulkan persepsi negatif ini dan menerusi tema program hari ini iaitu 'Tandas Bersih: Saya Peduli, Anda' secara tidak langsung membicarakan soal tandas awam pada masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri perasmian penutup Karnival Hari Tandas Sedunia peringkat kebangsaan 2017 di Dataran Tanjung Emas di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Khairul Dzaimie Daud; Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Datuk Noor-Ihsan Che Mat; Pegawai Daerah Muar, On Jabbar dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar (MPM), Jamaludin A Hamid.

Halimah berkata, menyedari mengenai kepentingan kemudahan awam itu, KPKT mewujudkan Pelan Tindakan Pengurusan Tandas Awam Kebangsaan pada 10 Julai lalu.



Walaupun ia mencatat peningkatan 2.3 peratus

berbanding tahun lalu, masih banyak perlu dilakukan bagi meningkatkan mutu kebersihan tandas awam"

Halimah Mohamed Sadique,
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan